

10 SEP 2003

Parlimen-Oxford

KERAJAAN BIAYAI SEPARUH PEMBINAAN AUDITORIUM DI UNIVERSITI OXFORD

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Kerajaan menyumbang separuh atau 1.75 juta paun sterling (RM10.8 juta) daripada 3.5 juta paun sterling (RM21.5 juta) bagi pembinaan Auditorium Malaysia di Pusat Islam, Universiti Oxford di Britain, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Separuh lagi kos pembinaan auditorium itu disumbangkan oleh Yayasan Al-Bukhary, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh.

Auditorium itu merupakan satu projek pembinaan kompleks Pusat Islam di universiti terkemuka itu yang melibatkan perbelanjaan keseluruhan 45 juta paun sterling (RM275 juta), katanya semasa menggulung perbahasan peringkat jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2003 bagi Kementerian Kewangan.

Mengikut rang undang-undang itu, Perkhidmatan Am Perbendaharaan meminta tambahan perbelanjaan mengurus sebanyak RM10.83 juta untuk pembinaan auditorium berkenaan.

Dr Shafie berkata pembinaan Auditorium Malaysia itu yang melibatkan keluasan lantai 550 meter persegi dan berupaya menampung 300 tempat duduk, mencerminkan komitmen penuh kerajaan dan rakyat Malaysia terhadap kecemerlangan pembelajaran.

"Auditorium ini akan digunakan sebagai tempat untuk ceramah umum mengenai isu yang menyentuh dunia Islam kepada masyarakat Islam dan Barat," katanya.

Beliau berkata ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertajuk "The Misunderstood Religion" di Pusat Islam di universiti berkenaan baru-baru ini telah membuka pemikiran banyak pihak tentang ajaran Islam sebenar.

Dr Shafie berkata pembinaan pusat dan auditorium itu melambangkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam contoh yang mengamalkan sikap kesederhanaan dalam memperjuangkan kemajuan Islam.

-- BERNAMA

HM HM MAI